



MEDIA STATEMENT

MELAKA'S GDP AND SUBNASIONAL STATISTICS, 2021

MELAKA'S GDP IN 2022 IS EXPECTED TO ACCELERATE DUE TO THE TRANSITION TO THE ENDEMIC PHASE

MELAKA, 15th JULY 2022 – On 30th June 2022, The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the GDP by state for 2021, following the national release on 13th May, 2022. These statistics describe the findings from a sectoral perspective as well as the economic composition of Malaysia's states, which are used to determine the country's economic standing. Five states recorded better GDP performance compared to the achievement of 3.1 percent at the national level in 2021.

Due to the government's efforts and prompt responses to revive the economy, Malaysia's economy recovered in 2021, increasing by 3.1 percent from the previous year which recorded negative 5.5 percent. The Manufacturing sector increased by 9.5 percent, the Services sector by 1.9 percent, and the Mining and quarrying sector by 0.3 percent as stated by Chief Statistician Malaysia. On the other side, the Construction and Agriculture sectors recorded declines of 0.2 percent and 5.2 percent, respectively. Correspondingly, after the global COVID-19 crisis, all states started to recover and reported better performance in 2021.

Each state including the two Federal Territories showed the signs of recovery by recording positive growth in 2021. The fastest-growing state, Pulau Pinang, with a growth rate of 6.8 per cent in 2021, followed by Selangor with a growth rate of 5.0 per cent, Terengganu with a growth rate of 3.6 per cent, Perak with a growth rate of 3.5 per cent, and Kedah with a growth rate of 3.2 per cent, while the GDP for Melaka increased by 2.0 per cent in 2021. However, Melaka's economy has not fully recovered compared to pre-pandemic, it is still shrinking by 4.1 percent compared to 2019.

In 2021, Melaka recorded value added of RM41.8 billion compared to RM41.0 billion in 2020. The value of GDP grew by 2.0 percent (2020: -5.9%). Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said "Melaka's economy is led by the Services sector with a contribution of 48.8 per cent, followed by the Manufacturing sector which contributes 37.9 per cent and the Agriculture sector 10.9 per cent. Meanwhile, the Construction and Mining & quarrying sectors contributed 2.1 percent and 0.1 percent respectively".

The Services sector recorded a positive growth of 2.3 per cent compared to a decline of 4.6 per cent in previous year. However, this positive growth has not yet surpassed the

pre-pandemic GDP value of 2019, with a negative decline of 2.4 percent. The Manufacturing sector also recorded a positive growth of 3.3 per cent (2020: -8.5%). However, the positive growth in 2021 has not yet surpassed the pre-pandemic GDP value of 2019, with a negative decline of 5.4 percent. The Agriculture sector recorded a decline of 0.6 per cent (2020: 3.4%). However, if compared to 2019, the Agriculture sector recorded an increase above the pre-pandemic level, with an increase of 2.8 percent. The Construction Sector in Melaka declined 9.5 percent compared to 2020 (-26.9%).

Looking at the details by sector, the Wholesale & Retail Trade sub-sector, Food & Beverage and Accommodation is the largest contributor to the Services sector in Melaka at 35.6 percent, followed by Utilities, Transport & Storage, and Information & Communication sub-sector (21.0%) and Finance & Insurance sub-sector, Real Estate and Business Services (13.5%). The 2.3 per cent growth in the Services sector in Melaka was driven by an increase of 6.4 per cent in the Utilities, Transport & Storage, and Information & Communications sub-sectors (2020: -1.9%) as well as 2.8 per cent growth in the Finance & Insurance, Real Estate and Business Services sub-sectors (2020: -2.7%). The better improvement in the Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage and Accommodation sub-sectors to negative 0.03 per cent (2020: -9.1%) also contributed to the positive growth of this sector.

Petroleum, chemical, rubber and plastic products were the major contributors to the Manufacturing sector in Melaka with a contribution of 30.2 per cent, followed by Electrical, Electronic and Optical products (29.2%) and Motor Vehicle products and transport equipment (22.6%). The 3.3 per cent growth in the Manufacturing sector was supported by growth in petroleum, chemical, rubber and plastic products (6.7%; 2020: -13.2%) as well as electrical, electronic and optical products (5.2%; 2020: -1.3%).

The main contributor to the Agriculture sector in Melaka was in the crops sub-sector at 57.4 per cent, but its growth declined to 2.9 per cent (2020: 4.1%) driven by a decline in vegetable and fruit activities, as well as a reduction in oil palm commodity production. As for the Construction sector, the main contributor was the building construction sub-sector with a contribution of 55.3 per cent, but its growth also declined by 1.2 per cent (2020: -13.9%).

Turning to the performance of GDP per capita, Melaka, along with other states also showed an increase in the value of GDP per capita compared to 2020. The value of GDP per capita recorded was RM47,799 above the national level of RM47,324. In the period of 2019, until 2021, the value of GDP per capita of Melaka always exceeds the national level and remains in the sixth position during that period.

Malaysia's domestic tourism performance in 2021 continue to record negative growth in terms of number of visitor arrivals, total expenditure and number of trips due to Movement Control Order (MCO) to curb the spread of the COVID-19. Overall, domestic visitor arrivals continue to decline by 49.9 per cent, recording 66.0 million visitors compared to 131.7 million visitors in 2020. Tourism industry as the biggest contributor

has had a positive impact on the economic recovery of Melaka, looking at the high booking of accommodation services, especially on weekends, the number of domestic tourists is expected to increase drastically. This indirectly makes a double contribution to related Services sector especially food & beverage and transportation. In addition, following the transition to the endemic phase as announced by the government will help in further boosting the tourism industry in Melaka.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched "KAWASANKU" on 13th June 2022 via the DOSM Facebook platform. KAWASANKU is one of the initiatives to develop a new generation open data platform that contains demographic profiles of the population based on the findings of the Population and Housing Census 2020. This initiative was developed to expand and encourage users to access data in machine-readable format as implemented through OpenDOSM. KAWASANKU can be accessed via <https://kawasanku.dosm.gov.my/>.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
15th JULY 2022**

Chart 1: Melaka's GDP, 2015-2021




Chart 2: Economic Contribution and Growth of Melaka by sector, 2021




Chart 3: GDP per capita (RM) by state, 2021

State	2020	2021
Johor	35,975	38,646
Kedah	22,162	23,119
Kelantan	14,069	14,643
Melaka	45,924	47,799
Negeri Sembilan	43,922	47,452
Pahang	36,072	39,275
Pulau Pinang	54,830	58,527
Perak	31,476	34,433
Perlis	23,601	24,216
Selangor	52,106	55,568
Terengganu	26,907	28,370
Sabah	21,706	26,674
Sarawak	48,785	57,635
*W.P. KL	121,280	124,232
W.P. Labuan	76,918	78,032
Malaysia	43,518	47,324

*Includes W.P. Putrajaya

Chart 4: Total receipts from domestic visitors to Melaka by component, 2019 and 2020





Chart 5: “KAWASANKU” DASHBOARD





KENYATAAN MEDIA **KDNK NEGERI MELAKA DAN STATISTIK SUBNASIONAL, 2021**

KDNK NEGERI MELAKA TAHUN 2022 DIJANGKA AKAN BERTUMBUH DENGAN LEBIH PESAT EKORAN PERALIHAN KE FASA ENDEMIK

MELAKA, 15 JULAI 2022 – Pada 30 Jun 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut negeri bagi tahun 2021 ekoran daripada KDNK peringkat nasional yang telah dikeluarkan pada 13 Mei 2022. Statistik ini menghuraikan secara terperinci penemuan dari aspek sektoral dan komposisi ekonomi peringkat negeri yang menyumbang kepada kedudukan ekonomi Malaysia. Lima negeri mencatatkan prestasi KDNK yang lebih baik berbanding pencapaian 3.1 peratus di peringkat nasional pada tahun 2021.

Hasil inisiatif dan tindakan pantas yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan membantu memulihkan ekonomi Malaysia pada tahun 2021, menunjukkan peningkatan 3.1 peratus berbanding tahun sebelumnya yang merekodkan negatif 5.5 peratus. Sektor Pembuatan meningkat 9.5 peratus, sektor Perkhidmatan sebanyak 1.9 peratus dan sektor Perlombongan dan pengkuarian sebanyak 0.3 peratus, seperti yang dinyatakan oleh Ketua Perangkawan Malaysia. Sebaliknya, sektor Pembinaan dan Pertanian merekodkan penurunan masing-masing sebanyak 0.2 peratus dan 5.2 peratus. Sejajar dengan itu, selepas krisis COVID-19 global, semua negeri mula pulih dan melaporkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2021.

Setiap negeri termasuk dua Wilayah Persekutuan menunjukkan tanda-tanda pemulihan dengan merekodkan pertumbuhan positif pada 2021. Antara negeri yang paling pesat berkembang adalah Pulau Pinang, dengan kadar pertumbuhan sebanyak 6.8 peratus pada 2021, diikuti Selangor dengan kadar pertumbuhan sebanyak 5.0 peratus, Terengganu dengan kadar pertumbuhan sebanyak 3.6 peratus, Perak dengan kadar pertumbuhan sebanyak 3.5 peratus, dan Kedah dengan kadar pertumbuhan sebanyak 3.2 peratus. Manakala bagi Negeri Melaka, KDNK bertumbuh sebanyak 2.0 peratus pada tempoh sama. Walau bagaimanapun, ekonomi Melaka masih belum pulih sepenuhnya berbanding pra-pandemik, iaitu masih menyusut 4.1 peratus berbanding 2019.

Pada tahun 2021, Melaka mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM41.8 bilion berbanding RM41.0 bilion pada tahun 2020. Nilai KDNK tersebut bertumbuh sebanyak 2.0 peratus (2020: -5.9%). Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata “Ekonomi Melaka

diterajui oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan 48.8 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan yang menyumbang sebanyak 37.9 peratus dan sektor Pertanian 10.9 peratus. Sementara itu, sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 2.1 peratus dan 0.1 peratus”.

Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan positif 2.3 peratus berbanding penurunan 4.6 peratus pada tahun sebelumnya. Namun, pertumbuhan positif ini masih belum melepas nilai KDNK pra-pandemik 2019, dengan penurunan negatif 2.4 peratus. Sektor Pembuatan turut merekodkan pertumbuhan positif 3.3 peratus (2020: -8.5%). Namun pertumbuhan positif tahun 2021 ini juga masih belum melepas nilai KDNK pra-pandemik 2019, dengan penurunan negatif 5.4 peratus. Sektor Pertanian pulak merekodkan penyusutan 0.6 peratus (2020: 3.4%). Namun jika dibuat perbandingan dengan tahun 2019, sektor Pertanian merekodkan kenaikan melebihi aras pra-pandemik, dengan peningkatan 2.8 peratus. Sektor Pembinaan di Melaka menyusut 9.5 peratus berbanding 2020 (-26.9%).

Melihat kepada perincian mengikut sektor, subsektor perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan merupakan penyumbang terbesar sektor Perkhidmatan di Melaka iaitu 35.6 peratus, diikuti subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan, dan maklumat & komunikasi (21.0%) serta subsektor kewangan & insuran, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (13.5%). Pertumbuhan 2.3 peratus dalam sektor Perkhidmatan di Melaka ini didorong oleh peningkatan sebanyak 6.4 peratus dalam subsektor utiliti, pengangkutan & penyimpanan, dan maklumat & komunikasi (2020: -1.9%) serta pertumbuhan 2.8 peratus dalam subsektor kewangan & insuran, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (2020: -2.7%). Peningkatan lebih baik bagi subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan kepada negatif 0.03 peratus (2020: -9.1%) turut menyumbang kepada pertumbuhan positif sektor ini.

Produk petroleum, kimia, getah dan plastik merupakan penyumbang utama sektor Pembuatan di Melaka dengan sumbangan 30.2 peratus, diikuti produk elektrik, elektronik dan optikal (29.2%) dan produk kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan (22.6%). Pertumbuhan 3.3 peratus dalam sektor Pembuatan ini disokong oleh pertumbuhan dalam produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 6.7 peratus berbanding negatif 13.2 peratus pada tahun 2020 serta kenaikan 5.2 peratus bagi produk elektrik, elektronik dan optikal (2020: -1.3%).

Penyumbang utama sektor Pertanian di Melaka adalah subsektor tanaman iaitu sebanyak 57.4 peratus, namun pertumbuhannya menyusut 2.9 peratus (2020: 4.1%) didorong oleh penyusutan dalam aktiviti sayuran dan buah-buahan serta penurunan dalam pengeluaran komoditi kelapa sawit. Bagi sektor Pembinaan pula, penyumbang utama adalah subsektor pembinaan bangunan iaitu sebanyak 55.3 peratus, namun pertumbuhannya turut menyusut 1.2 peratus (2020: -13.9%).

Beralih kepada prestasi KDNK per kapita, Melaka, seiring dengan negeri-negeri lain turut menunjukkan peningkatan nilai KDNK per kapita berbanding tahun 2020. Nilai KDNK per kapita yang dicatat adalah sebanyak RM47,799 melebihi paras nasional sebanyak RM47,324. Dalam tempoh 2019, sehingga 2021, nilai KDNK per kapita Negeri Melaka sentiasa melebihi paras nasional dan kekal berada di kedudukan keenam sepanjang tempoh tersebut.

Prestasi pelancongan domestik Malaysia pada tahun 2021 terus mencatatkan pertumbuhan negatif dari segi bilangan ketibaan pelawat, jumlah perbelanjaan dan bilangan perjalanan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Secara keseluruhan, ketibaan pelawat domestik terus menyusut sebanyak 49.9 peratus dengan merekodkan 66.0 juta pelawat berbanding 131.7 juta pelawat pada tahun 2020. Industri pelancongan penyumbang terbesar memberi impak yang positif kpd pemulihan ekonomi Negeri Melaka, melihat kepada penempahan perkhidmatan penginapan yang sentiasa tinggi terutama pada setiap hujung minggu dijangka bilangan pelancong domestik akan meningkat secara drastik. Ini secara tidak langsung memberi sumbangan berganda kepada sektor Perkhidmatan yang berkaitan terutama makanan & minuman dan pengangkutan. Selain itu, ekoran peralihan kepada fasa endemik seperti yang diumumkan oleh kerajaan akan membantu dalam merancakkan lagi industri pelancongan Negeri Melaka.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan "KAWASANKU" pada 13 Jun 2022 melalui platform Facebook DOSM. KAWASANKU salah satu inisiatif pembangunan platform data terbuka generasi baharu yang mengandungi profil demografi penduduk berdasarkan penemuan Banci Penduduk dan Perumahan 2020. Inisiatif ini dibangunkan bertujuan untuk meluaskan dan menggalakkan pengguna mengakses data dalam bentuk machine-readable format seperti yang dilaksanakan menerusi OpenDOSM. KAWASANKU boleh diakses melalui <https://kawasanku.dosm.gov.my/>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

15 JULAI 2022

Carta 1: KDNK Melaka, 2015-2021



Carta 2: Sumbangan dan Pertumbuhan Ekonomi Melaka mengikut Sektor, 2021




Carta 3: KDNK per kapita (RM) mengikut negeri, 2021

	Per kapita (RM)	2020	2021
Johor		35,975	38,646
Kedah		22,162	23,119
Kelantan		14,069	14,643
Melaka		45,924	47,799
Negeri Sembilan		43,922	47,452
Pahang		36,072	39,275
Pulau Pinang		54,830	58,527
Perak		31,476	34,433
Perlis		23,601	24,216
Selangor		52,106	55,568
Terengganu		26,907	28,370
Sabah		21,706	26,674
Sarawak		48,785	57,635
W.P. KL*		121,280	124,232
WP Labuan		76,918	78,032
Malaysia	43,518	47,324	

* Termasuk W.P. Putrajaya

Carta 4: Jumlah terimaan daripada pelawat domestik ke Melaka mengikut komponen, 2019 dan 2020



Carta 5: Dashboard “KAWASANKU”

Kenali kawasan anda!

Adakah kawasanku lebih baik berbanding kawasan lain? Apakah ciri-ciri demografinya? Bagaimanakah keadaan tenaga buruhnya? Adakah kemudahan awam mencukupi? DOSM mempunyai misi untuk memastikan jawapan kepada persoalan sebegini di hujung jari rakyat. Menerusi kejayaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (MyCensus 2020), DOSM buat pertama kali dalam sejarah menerbitkan data populasi penduduk di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Dashboard Kawasanku bertujuan untuk membolehkan rakyat, penggubal dasar dan komuniti antarabangsa menerokai set data tersebut.

Alor Gajah, Melaka

The map displays the coastal area of Alor Gajah, Melaka, with major roads like AH2, AH19, and M19. It also shows various settlements such as Sepat, Sungai Pelek, Siliau, Lukut, Port Dickson, Teluk Kemang, Si Rusa, Lubuk Cina, Linggi, Rembau, Pedas, Seri Menanti, Kuala Pilah, Rompin, Gemas, Rengoh, Gemencheh, Batang Melaka, Selandar, Jasin, Tangkak, Durian Junggu, Ayer Keroh, Batu Berendam, Merlimau, and Sungai Rambai. The map also includes labels for 'Pajak' (Tax) and 'Kador' (Kadur).

Cari kawasanku

Melaka

Daerah

Alor Gajah

Kosongkan pilihan